

INDIKATOR PERSEPSI JENAYAH 2018

Laila Ali ³

ABSTRACT

The Perception of Crime Indicators 2018 study was undertaken mainly to measure the society's perception on crimes in Malaysia. More than 11,000 respondents in various categories, including those representing resident associations, business ventures, neighbourhood watch and universities/schools all over the country were involved in this study. Research methodology employed included distribution of survey questionnaires and organisation of Focus Group Discussion (FGD). Findings of the study were then analysed using both descriptive and inferential methods. Consequently, it was deduced that in 2018, 55% of the respondents perceived that the level of crime incidence in the country was worrying compared with 37% in 2017. This indicates that there was an increase in the perception of fear of crimes amongst the society in the country. In order to reduce the rate of crime, measures proposed by the respondents include greater deployment and omnipresence of law enforcement personnel and installation of more closed-circuit television (CCTV) at the housing areas and public places. To enhance the image and highlight the efforts of the police force in combatting crimes, it was suggested that usage of the social media means be optimised. The latter should include continuous efforts by the police force in providing prompt response and feedback on reports and complaints received from the public. It was also suggested that greater engagement initiatives be undertaken by the enforcement agency, including the organisation of crime prevention and awareness programmes at all levels of the society.

Keywords: *perception of crime indicators.*

³DCP Dato' Dr. Laila Hj. Ali ketika ini menjawat jawatan Timbalan Pengarah (Agama dan Kaunseling) di Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS).

PENDAHULUAN

Jenayah merupakan satu perbuatan yang menyalahi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di sesuatu tempat. Idea asas mengenai takrifan jenayah ialah apa-apa perkara yang boleh memberikan masalah atau kesusahan kepada orang lain (Fauziah Che Leh, 2016). Kekerapan kejadian jenayah seperti peras ugut, curi kenderaan dan pecah rumah secara langsung boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat, sekaligus membentuk persepsi masyarakat terhadap tahap keselamatan di persekitaran mereka. Memandangkan kebanyakan mangsa jenayah adalah wanita dan kanak-kanak, tahap kebimbangan golongan ini terhadap jenayah juga adalah lebih tinggi berbanding golongan lelaki. Bagi mengukur persepsi masyarakat terhadap jenayah di negara ini, satu kajian mengenai *Perception of Crime Indicators* (PCI) telah dilaksanakan mulai tahun 2015. Kajian ini memberi tumpuan kepada empat (4) petunjuk atau indikator jenayah. Indikator pertama, *amplifier* atau penguat, merujuk kepada bagaimana penularan maklumat jenayah melalui media massa dan lain lain mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap jenayah. Indikator kedua, *signal* atau isyarat pula merujuk kepada keadaan persekitaran dan kemudahan yang tersedia dalam mencegah jenayah setempat. Indikator ketiga, *mySpace* atau ruang sendiri seterusnya pula merujuk kepada keyakinan masyarakat terhadap keadaan persekitaran, termasuk bantuan daripada pegawai penguatkuasa atau orang ramai semasa kecemasan. Akhirnya, indikator keempat, *service* atau perkhidmatan polis merujuk kepada tahap perkhidmatan yang diberikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara langsung dalam pencegahan jenayah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan jenayah merupakan antara gejala sosial yang menunjukkan peningkatan di kebanyakan negara di dunia, termasuk Malaysia. Peningkatan kadar jenayah yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor, meningkatkan kebimbangan dan menarik perhatian pelbagai pihak di negara ini. Peningkatan kes jenayah tidak semestinya bermakna langkah pencegahan yang dijalankan tidak berkesan. Sebaliknya, kejadian jenayah bertambah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk faktor ruang dan peluang, kecanggihan sains dan teknologi serta penggunaan media sosial secara meluas. Akibatnya, permasalahan jenayah menjadi semakin rumit, kompleks dan bersifat global serta semakin sukar dibendung (Nor-Ina Kanyo, Norizan Md Nor, Ruslan Rainis, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman & Norita Jubit, 2015).

Insiden jenayah juga memberi kesan kepada sektor pelancongan. Kejadian jenayah terutamanya yang melibatkan pelancong asing memberi kesan negatif kepada industri pelancongan secara keseluruhannya. Akibatnya, kawasan yang kerap berlaku jenayah di sesuatu destinasi pelancongan akhirnya terpinggir dan menjadi “kawasan yang tidak dikunjungi” walaupun terdapat usaha mempromosikan produk pelancongan berkenaan. Oleh itu, tahap keselamatan terutamanya dalam kalangan pelancong perlu sentiasa dititikberatkan. (Fauziah Che Leh, 2016).

Sehubungan itu, kajian PCI dijalankan bagi melihat persepsi masyarakat terhadap unsur-unsur jenayah di Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Selanjutnya, kajian berkenaan juga mengenal pasti cadangan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan persepsi rasa takut atau bimbang masyarakat terhadap jenayah yang berlaku di persekitaran mereka.

TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya, inisiatif membanteras jenayah perlu dilaksanakan secara berterusan. Orang ramai bukan sahaja memerlukan keadaan persekitaran yang selamat secara fizikal, tetapi perlu juga memiliki ketenangan perasaan secara *spiritual*. Walaubagaimanapun, terdapat jurang di antara realiti berkaitan jenayah dan persepsi masyarakat. Pihak berkuasa menggunakan indeks jenayah untuk mengukur jumlah jenayah yang berlaku di dalam negara. Orang awam sebaliknya melihat dari perspektif yang berbeza kerana mereka datang dari platform “takut jenayah”. Dalam konteks ini, walaupun nisbah jenayah indeks bagi 100,000 penduduk di Malaysia pada tahun 2017 bertambah baik iaitu 309.7 berbanding 370.5 pada 2015, majoriti masyarakat percaya bahawa kadar jenayah adalah semakin meningkat (Statistik Jenayah Malaysia, 2018). Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi masyarakat terhadap unsur-unsur jenayah di Malaysia melalui indikator persepsi jenayah, sekaligus mencari penyelesaian bagi memperbaiki indikator persepsi jenayah tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya, persepsi boleh dikatakan sebagai pandangan individu terhadap persekitaran yang didorong oleh faktor sekelilingnya. Dengan kata lain, persepsi adalah pandangan individu berdasarkan kepada persekitaran dan pengalaman mereka dalam sesuatu perkara. Dalam kajian mengenai persepsi

masyarakat terhadap dominasi gender dalam bidang perhubungan awam, Liana Amin (2008) menjelaskan bagaimana individu mempunyai pandangan yang berbeza ke atas sesuatu peristiwa atau keadaan yang mungkin sama. Sesuatu perkara yang baik bagi seseorang tidak semestinya dilihat secara positif oleh individu lain. Keadaan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor individu yang memberikan penilaian tersebut, objek atau individu yang dinilai dan situasi semasa atau konteks yang berlaku semasa penilaian tersebut dibuat (Weiner, 1993).

Sementara itu, Tun Salleh Abbas (Hasnah, 1995) berpendapat bahawa jenayah ialah kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukan kesalahan itu (*mens rea*). Kesalahan dari segi undang-undang yang dilakukan oleh individu tersebut boleh dihukum dengan hukuman setimpal.

Kebimbangan atau takut terhadap jenayah pula adalah satu istilah yang meliputi pelbagai jenis perasaan yang mengelirukan, perspektif dan anggaran risiko. Perasaan ini adalah berbeza bagi orang yang berlainan (Ditton, Bannister, Gilchrist & Farrall (1999). Lee (2007) berpendapat bahawa dalam tempoh empat dekad yang lalu, perasaan takut terhadap jenayah telah menjadi satu kebimbangan yang semakin ketara kepada kriminologis, victimologis, penggubal dasar, ahli-ahli politik, polis, media dan orang awam. Beliau juga menekankan bahawa kemunculan perasaan takut terhadap jenayah ditunjukkan oleh perkembangan yang luar biasa dalam bidang penyelidikan dan kesusasteraan. Perkembangan ini turut diketengahkan oleh Newburn (2003), yang menunjukkan bahawa sejak tahun 1970an, jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah telah muncul dan menjadi perkara baru yang mempengaruhi kehidupan seharian. Walklate (2007) menyatakan bahawa pertumbuhan sensitiviti ketakutan terhadap jenayah adalah selari dengan pertumbuhan sensitiviti kepada mangsa jenayah secara umum. Beliau berpendapat perkembangan ini adalah dirangsang oleh liputan media pada awal tahun 1970an dan peningkatan kadar jenayah yang direkodkan sepanjang dekad ini telah membawa kepada pengenalan *British Crime Survey* (BCS) pada tahun 1982.

Kajian oleh Warr (1994) mendapati tindakbalas yang paling biasa kepada perasaan takut terhadap jenayah di Amerika Syarikat adalah dengan mengelakkan atau menjauhi tempat yang dilihat berbahaya. Sebagai contoh, dalam kaji selidik di Seattle dan Dallas, Amerika Syarikat, sejumlah 63% dan 77% daripada responden, masing-masing melaporkan bahawa mereka mengelakkan diri daripada berada di tempat yang berisiko. Apabila penduduk Dallas ditanya

untuk mengenal pasti kawasan-kawasan berbahaya di bandar mereka, empat daripada lima melaporkan bahawa mereka tidak pergi berdekatan atau melalui kawasan-kawasan tersebut dengan kerap. Selain mengelakkan tempat-tempat yang sering berlaku jenayah, kebimbangan terhadap jenayah juga memberi kesan kepada pilihan laluan yang digunakan apabila melancong, bentuk atau jenis pengangkutan yang digunakan dan kekerapan penduduk meninggalkan kediaman mereka (DuBow, McCabe & Kaplan, 1979).

Pada tahun 1992, terdapat 2,154 kes pembunuhan dan 626,182 kes jenayah yang serius di New York. Dalam tempoh lima tahun, kes pembunuhan di New York menurun sebanyak hampir 70% dan kes jenayah yang serius pula berkurangan sebanyak 50%. Di sini berlaku transformasi sebuah bandaraya yang berbahaya menjadi salah sebuah bandaraya yang paling selamat. Bagaimana jenayah dapat turun dalam masa sesingkat itu? David Gunn dan William Bratton yang memainkan peranan utama dalam transformasi itu mengamalkan *Broken Window Theory*. Teori *Broken Window* dikemukakan oleh James Q. Wilson dan George L. Kelling pada tahun 1982. Teori ini menegaskan bahawa budaya adalah sebab utama berlakunya jenayah, bukan kerana orang menjadi jahat. Jadi, daripada menangkap penjenayah dan pembunuh, bilangan kes jenayah boleh menurun sekiranya kita dapat mengubah budaya masyarakat di sesuatu tempat. Dalam kes ini, tingkap-tingkap pecah di bandaraya itu melambangkan bahawa tiada sesiapa peduli tentang kes jenayah dan ia telah menjadi sebahagian daripada norma budaya bandaraya New York.

Gunn dan Bratton menumpukan perhatian kepada sistem kereta api bawah tanah New York dan menghapus jenayah-jenayah kecil serta memperbaiki semua tingkap pecah dan *graffiti* di bandaraya itu. Mereka bekerja tanpa mengenal penat-lelah untuk menangkap penumpang-penumpang yang tidak membayar tambang dan membersihkan semua kandungan di jalan bawah tanah. Apabila jalan-jalan bawah tanah bertukar menjadi lebih bersih dan jenayah-jenayah ringan kurang berlaku, ia melahirkan suasana bahawa jenayah bukanlah “budaya” bandaraya itu. Dalam masa yang singkat, kes jenayah besar juga tidak berlaku lagi. Perubahan ini wujud bukan kerana pihak-pihak berkuasa menumpukan perhatian terhadap penghapusan pembunuh atau pelaksanaan program pencegahan, tetapi kerana mereka menumpukan perhatian kepada tindakan membersihkan imej bandaraya itu, dan mewujudkan “budaya” baharu yang boleh dilihat dan diterapkan di bandaraya itu (<https://leaderonomics.com/bm/.../perbaiki-tingkap-anda-yang-rosak>).

Kebimbangan atau ketakutan terhadap jenayah dipengaruhi oleh empat (4) indikator iaitu *amplifier* (penguat), *signal* (isyarat), *mySpace* (ruang sendiri) dan *service* (perkhidmatan polis di peringkat balai polis) (de Albuquerque dan McElroy, 1999). *Amplifier* atau penguat melibatkan kedua-dua media sosial dan konvensional. Media konvensional mencetuskan atau menguatkan lagi ketakutan terhadap jenayah sebanyak empat (4) kali ganda berbanding dengan media sosial. Penyebaran berita dari mulut ke mulut juga adalah dua kali ganda lebih tinggi berbanding media sosial. Secara umum, kebanyakan kita merasakan bahawa laporan dalam media sosial lebih mudah tersebar berbanding media tradisional, tetapi berdasarkan kajian, ia adalah sebaliknya. Keputusan kajian adalah konsisten dengan kajian dari negara maju yang lain (Fauziah Che Leh, 2016).

Signal atau isyarat merujuk kepada kemerosotan atau gangguan pada peringkat fizikal dan sosial. Masalah fizikal atau '*physical disorder*' boleh diibaratkan seperti bangunan yang tidak diselenggarakan dengan baik, pembuangan sampah merata-rata, penyelenggaraan lampu jalan yang lemah dan sebagainya. Sekali pandang sahaja, kita boleh melihat kekurangan fizikal pada kemudahan tersebut. Bagi masalah sosial pula, ia mempunyai kaitan dengan gejala menconteng dinding (*graffiti*), mencarut, membuat bising dan seumpamanya. Situasi terbabit membuatkan kita tidak berasa selesa untuk berdepan atau berada di kawasan yang bermasalah seperti itu.

MySpace atau ruang sendiri merujuk kepada dua dimensi iaitu pertama, "Adakah saya berasa yakin untuk keluar? Adakah saya mempunyai pengetahuan untuk melindungi diri sendiri, seperti contohnya jika diserang ketika berjalan ke arah kereta di tempat meletak kenderaan? Dimensi kedua adalah "Adakah saya mempunyai jaminan bahawa polis akan datang membantu dan menyelamatkan saya jika berlaku sesuatu yang buruk?"

Tidak dinafikan, pengawasan polis di jalanan dan tempat kediaman memberi jaminan tentang keselamatan. Seperti yang dipaparkan dalam filem *The Croods*, tinggal di dalam gua digambarkan sebagai langkah yang selamat, manakala apabila keluar dari tempat tinggal ibarat mengambil risiko terhadap keselamatan diri sendiri. Satu daripada paradigma dalam jenayah dikenali sebagai "perbezaan

persepsi terhadap jenayah”, di mana anda berasa selamat dalam komuniti sendiri tetapi kurang selamat jika berjauhan daripada komuniti tersebut (Fauziah Che Leh, 2016).

Service atau perkhidmatan polis (di peringkat balai polis) pula merujuk kepada kualiti interaksi atau detik perhubungan di antara orang awam dan anggota polis. Orang awam mengharapkan untuk menerima jaminan, empati dan tindak balas daripada pihak polis. Hubungan yang baik boleh membina kepercayaan di antara orang awam dan pihak polis (Fauziah Che Leh, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kuantitatif dilaksanakan berasaskan kepada soal selidik yang telah dibentuk oleh *Malaysia's Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU) bersama-sama Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2016. Kajian rintis (*pilot study*) dijalankan untuk melihat sama ada soal-selidik yang telah dibentuk ini boleh difahami dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Hasil kajian rintis, soal selidik ini ditambah baik dengan menambah soalan seperti kawasan tempat tinggal, jenis tempat tinggal, bangsa, jenis jenayah yang paling membimbangkan, pandangan terhadap tahap keselamatan dan cadangan untuk langkah-langkah pencegahan jenayah di Malaysia bagi memenuhi keperluan kajian. Secara keseluruhannya, soal selidik yang ditambah baik ini mengandungi sepuluh (10) soalan/kenyataan mengenai aspek demografi responden; tiga (3) soalan/kenyataan tentang pengalaman responden; tiga (3) soalan mengenai *amplifier*; tiga (3) soalan mengenai *signal*; tiga (3) soalan mengenai *mySpace*; tiga (3) soalan mengenai *service*; dan tiga (3) soalan mengenai lain-lain. Instrumen kajian PCI 2018 yang ditambah baik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai *alpha* (α) bersamaan 0.852. Ini selaras dengan kajian Pallant (2010) di mana nilai kebolehpercayaan *alpha* (α) bersamaan 0.852 adalah termasuk dalam kategori baik.

Kajian sebenar melibatkan 11,664 orang responden di seluruh negara. Sampel kajian ditentukan melalui soal selidik yang telah dijawab secara *google online* dan bersemuka. Data kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif (peratusan) dan analisis inferensi (korelasi) melalui perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

Analisis deskriptif digunakan untuk memberi penerangan mengenai sesuatu populasi melalui perkiraan numerikal, graf, rajah atau jadual bagi komponen-komponen seperti negeri asal; kawasan tempat tinggal; jenis kediaman; organisasi terlibat sama ada kategori jawatankuasa penduduk/individu, universiti/sekolah, rukun tetangga atau persatuan perniagaan; jantina; bangsa; umur; dan kewarganegaraan. Analisis inferensi pula menyediakan kesimpulan dan ramalan mengenai sesuatu populasi berpandukan kepada data sampel yang diambil daripada populasi.

Di samping itu, kaedah kualitatif melalui temubual dengan pegawai-pegawai dan anggota-anggota kerajaan serta ahli masyarakat melalui *Focus Group Discussion* (FGD) turut dilaksanakan. Ia bertujuan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai sesuatu isu. Data kajian FGD kemudiannya dianalisis menggunakan analisis deskriptif (peratusan).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian melalui soal selidik antara lain menunjukkan negeri-negeri *hotspots* mempunyai jumlah responden yang paling tinggi bermula dengan Wilayah Persekutuan (961 responden), diikuti Pulau Pinang (960 responden), Johor (953 responden) dan Selangor (940 responden). Seramai 3,303 responden berumur di antara 31-40 tahun, 21-30 tahun (2,809 responden), 41-50 tahun (2,634 responden), 20 tahun ke bawah (1,491 responden) dan 51 tahun ke atas (1,427 responden).

Dapatan kajian juga menunjukkan responden paling ramai adalah daripada kategori jawatankuasa penduduk/individu (52%), diikuti universiti/sekolah (28%), rukun tetangga (15%) dan persatuan perniagaan (5%). Majoriti mereka juga adalah daripada kawasan bandar (61%), diikuti luar bandar (38%) dan kawasan pedalaman (1%), manakala 57% daripada mereka adalah lelaki dan 43% perempuan.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa 55% daripada responden mempunyai persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah pada tahun 2018 berbanding

37% pada tahun 2017. Indikator persepsi jenayah menunjukkan *amplifier* dengan skor 15% pada tahun 2018 berbanding 12% pada tahun 2017, masih merupakan penyumbang utama kepada persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah, diikuti *signal* dengan skor 14% pada tahun 2018 berbanding 11% pada tahun 2017, *mySpace* dengan skor 14% pada tahun 2018 berbanding 8% pada tahun 2017 dan *service* dengan skor 12% pada tahun 2018 berbanding 6% pada tahun 2017.

Dapatan kajian juga menunjukkan 65% responden berpuas hati dengan perkhidmatan keseluruhan pihak polis khususnya di balai-balai polis. Bagaimanapun, 77% daripada mereka merasa bimbang dengan salah laku polis, sekaligus mewujudkan rasa bimbang terhadap jenayah.

Dapatan kajian selanjutnya juga menunjukkan tiga indikator persepsi jenayah (*amplifier*, *signal* dan *mySpace*) mempunyai perhubungan atau korelasi negatif yang signifikan dengan faktor demografi, manakala satu indikator persepsi jenayah (*service*) tidak menunjukkan apa-apa korelasi dengan faktor demografi. Sementara itu, tiga faktor indikator persepsi jenayah (*signal*, *mySpace* dan *service*) menunjukkan korelasi positif yang signifikan dengan faktor pengalaman, manakala satu faktor indikator persepsi jenayah (*amplifier*) menunjukkan korelasi negatif yang lemah tetapi signifikan dengan pengalaman.

Secara umumnya, terdapat peningkatan dalam persepsi rasa bimbang terhadap jenayah dalam kalangan masyarakat di negara ini pada 2018. Dapatan kajian ini juga menunjukkan jenis jenayah yang paling membimbangkan atau menakutkan masyarakat adalah pecah rumah, diikuti oleh jenayah berkaitan dadah, samun, ragut, culik, bunuh, rogol/gangguan seksual, curi dan lain-lain.

Bagi langkah-langkah pencegahan untuk mengurangkan persepsi rasa takut terhadap jenayah di negara ini, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mencadangkan penambahan anggota penguatkuasa di kawasan perumahan dan lebih banyak pemasangan CCTV di kawasan yang berisiko tinggi untuk rakyat merasa selamat. Ini diikuti dengan cadangan untuk meningkatkan aktiviti pendidikan/kesedaran dan pencegahan jenayah di semua peringkat

masyarakat, termasuklah penggunaan optimum media sosial dalam mewar-warkan kejayaan PDRM dalam membanteras jenayah bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap PDRM. Dalam pada itu, terdapat juga cadangan supaya pihak polis mengambil tindakan segera ke atas aduan/laporan mengenai kejadian jenayah di samping memberi perhatian serius ke atas keperluan asas di tempat kerja dan kebajikan anggota polis.

Dapatan kajian yang diperolehi melalui *Focus Group Discussion* (FGD) pula antara lain menunjukkan bahawa majoriti responden merasa tidak selamat akibat kehadiran pendatang asing yang ramai dan menyebabkan jenayah di kawasan perumahan. Ada juga di antara mereka yang merasa tidak selamat melihat remaja yang tidak bersekolah dan menghidu gam, dan infrastruktur yang tidak berfungsi serta kurang pemantauan daripada jawatankuasa penduduk. Responden juga mencadangkan ditubuhkan Persatuan Belia dan Remaja yang boleh membantu meningkatkan rasa selamat dalam kalangan penduduk setempat; masyarakat bersama-sama membanteras jenayah untuk rasa selamat; dan mengadakan pertandingan "Kampung Selamat". Majoriti mereka juga merasa selamat sekiranya kemudahan infrastruktur bagi meningkatkan keceriaan di kawasan setempat dapat ditambahbaik. Di samping itu, mereka menyarankan aktiviti sosio ekonomi bagi meningkatkan kemahiran golongan belia terpinggir seperti latihan membaiki kenderaan, memperbaiki telefon mudah alih dan komputer dilaksanakan bagi mengelakkan mereka terlibat dengan jenayah.

PERBINCANGAN

Persepsi Rasa Bimbang/Takut

Dapatan kajian melalui soal selidik menunjukkan 55% daripada masyarakat di seluruh negara mempunyai persepsi rasa bimbang atau takut terhadap unsur-unsur jenayah pada tahun 2018 berbanding hanya 37% pada tahun 2017. Kesemua pembolehubah faktor indikator persepsi jenayah menunjukkan korelasi negatif yang signifikan dengan faktor demografi, kecuali *service* yang tidak menunjukkan apa-apa korelasi dengan faktor demografi. Dapatan kajian juga menunjukkan kesemua faktor indikator persepsi jenayah menunjukkan korelasi positif yang signifikan dengan faktor pengalaman, kecuali *amplifier*

yang menunjukkan korelasi negatif yang lemah tetapi signifikan dengan pengalaman.

Indikator persepsi jenayah *amplifier* masih merupakan penyumbang utama kepada persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah pada tahun 2017 dan 2018, diikuti *signal*, *mySpace* dan *service*. Ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah dalam kalangan masyarakat di negara ini. Jenis jenayah yang paling membimbangkan atau menakutkan masyarakat ialah pecah rumah, diikuti jenayah berkaitan dadah, samun, ragut, culik, bunuh, rogol/gangguan seksual dan curi.

Dapatan kajian *Focus Group Discussion* (FGD) pula menunjukkan kebanyakan ahli masyarakat berpandangan bahawa kebanjiran pendatang asing menyebabkan kejadian jenayah di kawasan perumahan meningkat. Segelintir mereka juga merasa tidak selamat melihat golongan remaja yang tidak bersekolah dan menghidu gam, serta keadaan infrastruktur yang tidak diselenggara dengan baik oleh jawatankuasa penduduk.

Langkah-Langkah Pencegahan Jenayah

Antara cadangan langkah-langkah pencegahan jenayah yang diutarakan ialah peningkatan *omnipresence* melalui penambahan anggota penguatkuasa di kawasan perumahan, menambah pemasangan CCTV di kawasan yang berisiko tinggi, meningkatkan aktiviti pendidikan/kesedaran dan pencegahan jenayah di semua peringkat masyarakat. Mereka juga mencadangkan supaya PDRM menggunakan secara optimum medium media sosial dalam mewartakan kejayaan PDRM dalam membanteras jenayah, mengambil tindakan segera ke atas aduan/laporan mengenai kejadian jenayah, memberi perhatian serius ke atas keperluan asas di tempat kerja dan kebajikan anggota polis. Mereka turut mencadangkan penubuhan Persatuan Belia dan Remaja yang boleh membantu meningkatkan rasa selamat dalam kalangan penduduk setempat, masyarakat bersama-sama membanteras jenayah untuk merasa selamat, mengadakan pertandingan "Kampung Selamat" dan meningkatkan keceriaan kawasan setempat.

Keceriaan kawasan setempat ini menyokong Teori *Broken Window* yang menegaskan bahawa budaya adalah sebab utama berlakunya jenayah, bukan kerana orang menjadi jahat. Dalam hal ini, kes jenayah boleh menurun sekiranya kita dapat mengubah budaya masyarakat di sesuatu tempat itu. Dalam kes ini, tingkap-tingkap pecah di sesuatu kawasan itu melambangkan bahawa tiada sesiapa peduli tentang kes jenayah dan ia telah menjadi sebahagian daripada norma budaya masyarakat setempat. Oleh itu, sesuatu kawasan itu perlu lebih terurus dan ceria bagi mengelakkan risiko kejadian jenayah di kawasan berkenaan.

Dalam hal ini, persatuan penduduk wajar berperanan lebih aktif dalam meningkatkan hubungan kemasyarakatan di kawasan setempat. Bagi tujuan ini, peranan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dilihat amat penting dalam mengeratkan perpaduan dan interaksi komuniti. Di samping itu, peranan pihak berkuasa keselamatan dan pihak berkuasa tempatan perlu dipertingkatkan termasuk melaksanakan sesi libat urus bersama penduduk setempat. Kerjasama erat di antara pihak berkuasa dan persatuan penduduk akan dapat membantu pelaksanaan program-program bagi mewujudkan persepsi rasa selamat.

Peningkatan Integriti

Faktor indikator persepsi jenayah *service* perlu diberikan perhatian serius dalam mempertimbangkan faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pegawai polis. Walaupun hasil kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat berpuas hati dengan perkhidmatan polis, tetapi mereka bimbang dengan salah laku dalam kalangan pegawai polis. Menurut Miller (2004), istilah salah laku pegawai polis merangkumi tahap tingkah laku yang luas, daripada lembab dan gagal menyediakan laporan pada masa yang ditentukan sehinggalah kepada penggunaan kekerasan, ugutan dan bunuh. Antara bentuk salah laku pegawai polis adalah penggunaan kekerasan yang berlebihan, rasuah, membawa senjata secara tidak sah, menyimpan senjata atau dadah yang telah dirampas daripada orang yang disyaki, mengadakan perhubungan seks dengan pemberi maklumat dalam penyiasatan kegiatan maksiat dan narkotik, menjual maklumat sulit kepada peguam dan syarikat insuran, ponteng atau melakukan tugas peribadi semasa bertugas, menggunakan cara yang salah dan menipu dalam soal siasat ke atas subjek, membuat kutipan wang daripada peguam bagi penyiasatan kes-kes tangkapan memandu di bawah pengaruh alkohol atau kemalangan kenderaan dan serangan fizikal.

Tingkhallaku atau sikap pegawai polis seumpama ini sering dijadikan sasaran masyarakat yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Kecederaan dan maut juga turut dikaitkan dengan sikap pegawai polis yang sambil lewa dan tidak membuat persiapan rapi ketika berhadapan dengan penjenayah yang ganas. Dalam hal ini, Lumb dan Breazeale (2002) melaporkan bahawa pegawai polis berubah mengikut masa dan pelbagai faktor, termasuk sumber tekanan individu dan organisasi yang memberi kesan kepada perubahan ini. Tekanan juga boleh menimbulkan sikap sinis, syak wasangka, pelbagai masalah kesihatan, menjejaskan prestasi tugas dan peningkatan ketidak hadiran tugas serta persaraan awal. Sikap turut dilihat sebagai satu faktor kritikal bagi prestasi individu, dan dalam kes budaya polis, sekiranya ini diterima, satu kesimpulan yang logik adalah bahawa “*a police occupational subculture ... is extremely influential.*” (Scripture, 1997:175).

Sehubungan itu, indikator persepsi jenayah *amplifier* boleh dijadikan satu saluran untuk mewar-warkan kejayaan pasukan polis dalam membanteras jenayah, sekaligus dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap agensi penguatkuasa dalam menjaga keselamatan harta-benda dan nyawa mereka.

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Dapatan Kajian

Walaupun nisbah jenayah indeks bertambah baik, persepsi kebimbangan masyarakat terhadap unsur-unsur jenayah semakin meningkat di mana 55% daripada masyarakat di seluruh negara mempunyai persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah pada tahun 2018 berbanding hanya 37% pada tahun 2017. Antara faktor-faktor yang boleh mempengaruhi peningkatan dalam persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah dalam kalangan masyarakat di negara ini adalah disebabkan penularan berita yang negatif di media sosial (*amplifier*) mengenai kejadian jenayah berprofil tinggi. Antara kes berprofil tinggi pada tahun 2018 ialah kes penculikan di Semporna, Sabah pada September 2018, kejadian rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman di Seafeld, USJ Subang Jaya, Selangor pada November 2018 dan peningkatan kes jenayah *Macau scam* (Januari hingga September 2019). Walaupun ramai ahli masyarakat berpuas hati dengan perkhidmatan PDRM termasuk di balai polis, kebanyakan mereka bimbang terhadap salah laku anggota polis (*mySpace*). Lagipun tidak semua jenis kes jenayah disiasat dan

dikategorikan sebagai jenayah indeks. Kawasan gelap dan tiada lampu jalan juga boleh meningkatkan persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah kerana kawasan seumpama ini boleh mendorong kepada kejadian jenayah (*signal*).

PENUTUP

Kajian PCI 2018 dilaksanakan dengan objektif untuk mengukur persepsi masyarakat terhadap unsur-unsur jenayah di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan 55% daripada masyarakat di seluruh negara mempunyai persepsi rasa bimbang atau takut terhadap jenayah pada tahun 2018 berbanding hanya 37% pada tahun 2017. KDN mengambil positif dapatan kajian ini dan inisiatif berterusan dilaksanakan untuk mengurangkan jenayah di negara ini di samping meningkatkan kebajikan pegawai polis.

Sebagai tindakan susulan, usaha-usaha untuk mengurangkan jenayah merupakan sebahagian daripada teras pertama Fokus Strategi KDN 2019 iaitu Pemerksaan Keselamatan dan Ketenteraman Awam. Teras pertama ini memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk memerangi jenayah; pengukuhan imej PDRM dan peningkatan persepsi rasa selamat rakyat; serta mengukuhkan pemulihan, rawatan dan program selepas pemulihan yang akan menyumbang kepada pengurangan kadar pengulangan jenayah dan penagih dadah berulang. Di samping itu, usaha bagi memantapkan pencegahan jenayah berasaskan penglibatan komuniti melalui aktiviti libat urus akan diperkukuhkan. Dasar dan undang-undang berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam juga akan dikaji semula dan ditambahbaik dari masa ke semasa.

Usaha-usaha memerangi jenayah berfokus kepada mengurangkan jenayah indeks bagi setiap 100,000 penduduk; dan melaksanakan operasi penguatkuasaan bagi kes-kes yang melibatkan jenayah komersil secara atas talian (jenayah siber dan multimedia). Pengukuhan imej PDRM dan peningkatan persepsi rasa selamat rakyat pula berfokus kepada inisiatif pengukuran persepsi rasa selamat melalui *Perception of Security Indicator* (PSI) yang akan dilaksanakan mulai April 2019; dan memastikan tindak balas PDRM dalam tempoh 14 minit selepas menerima panggilan melalui MERS 999. Komuniti selamat seterusnya pula melibatkan pelaksanaan *Training of Trainer* (ToT) kepada ketua pemimpin komuniti dalam melaksanakan program-program pendidikan pencegahan dadah;

dan melaksanakan libat urus PDRM bersama komuniti melalui program *Customer Engagement Day/Talk To Us Program*. Kesemua inisiatif-inisiatif yang melibatkan PDRM ini dijadikan *Minister's Performance Indicator (MPI)*, sekaligus perlu dipenuhi dengan sebaik-baiknya.

Kerajaan juga terus menyediakan peruntukan yang diperlukan oleh PDRM bagi memastikan pasukan berkenaan mempunyai kelengkapan yang sesuai dan terkini bagi menangani ancaman jenayah yang lebih kompleks. Berdasarkan perkembangan dan cabaran semasa, PDRM bukan sahaja berhadapan dengan cabaran dalam konteks jenayah konvensional, ancaman pengganas ada kalanya amat luar biasa dan ini sudah tentu menuntut agensi keselamatan terutama PDRM menanganinya secara tegas, strategik serta berkesan.

Sementara itu, aspek kebajikan anggota penguatkuasa juga akan diberikan keutamaan termasuk isu berkaitan perumahan dan lif yang dilaporkan telah rosak berpuluh tahun. Perkara ini turut diambil berat oleh kerajaan di mana Belanjawan 2019 telah menyediakan peruntukan khas bagi pembaikan dan ubahsuai kuarters kediaman anggota polis. Ini dijangka memberi manfaat kepada anggota dan ahli keluarga polis yang mendiami kuarters di seluruh negara, sekaligus memberi keselesaan kepada anggota polis yang berkhidmat untuk negara. Apabila kebajikan pegawai polis diberi keutamaan, mereka dijangka akan lebih bersemangat untuk terus kekal berkhidmat dengan cemerlang dalam pasukan polis bagi menjamin keselamatan negara.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Ampang, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nazrin Aris & Zainab, K. (2009). Kepentingan Program Bandar Selamat sebagai asas keselamatan industri pelancongan di bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, 51 (E), Dis. 2009, 123-37.
- De Albuquerque K., & McElroy J. (1999). Tourism and crime in the Caribbean. *Annals of Tourism Research* 26 (4), 968-984.
- Ditton, J., Bannister, J., Gilchrist, E., & Farrall, S. (1999). Afraid or angry ? Recalibrating the fear of crime. *International Review of Victimology* 6: 83-99.
- DuBow, F., McCabe, E., & Kaplan, G. (1979). Reactions to crime: A critical review of the literature. Washington, D.C: U.S. Government Printing Office.
- Fauziah Che Leh. (2016). Pelancongan bandar dan isu keselamatan: Kajian kes pelancong antarabangsa Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 8, 110-122.
- Hasnah, G., & Mat Saad, A.R. (1995). Jenayah remaja: Permasalahan dan penyelesaian. Selangor: Penerbit Hizbi.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). (2010). Laporan pemantauan

pelaksanaan Program Bandar Selamat, 2010. Kuala Lumpur. Retrieved on 25 October 2011 from <http://www.townplan.gov.my>.

Jamaludin Mustaffa, Hanani Sidek & Mohd Hilmi Hamzah. (2013). Pemahaman Program Bandar Selamat dalam keselamatan awam (jenayah) di Wangsa Maju Kuala Lumpur. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 16 (Jun) 2013: 51-64.

Lee, M. (2007). *Inventing fear of crime criminology and the politics of anxiety*. Cullompton: Willan.

Liana Amin. (2008). Persepsi masyarakat terhadap dominasi gender dalam bidang perhubungan awam. Latihan Ilmiah, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, hlm 11.

Lumb, R. C. dan Breazeale, R. (2002). Police officer attitudes and community policing implementation: Developing strategies for durable organizational change. *Policing and Society*, 13, 91-107.

Miller, L. (2004). Good cop - bad cop: problem officers, law enforcement culture and strategies for success. *Journal of Police and Criminal Psychology*, 19(2), 30-47.

Mohd.Radzuan Ibrahim. (1995). *Polis dalam Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Newburn, T. (2003). *Handbook of policing*. Cullompton: Willan.

- Nor-Ina Kanyo, Norizan Md Nor, Ruslan Rainis, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman & Norita Jubit. (2015). Jenayah dan agenda pembangunan di Malaysia: Satu tinjauan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11 issue 1.
- Scripture, A. E. (1997). The sources of police culture: Demographic or environmental variables? *Policing and Society*, 7, 163–176.
- The Star. (2015). Kebimbangan terhadap jenayah adalah realiti. 10 April by Dr Amin Khan
- Utusan Malaysia. (2019). Peruntukan untuk PDRM hadapi ancaman jenayah. 26 Mac, hal.3.
- Walklate, S. (2007). *Imagining the victim of crime*. Maidenhead: Open University Press
- Warr, M. (1994). Public perceptions and reactions to violent offending and victimization. In *Consequences and Control*, edited by Albert J. Reiss, Jr., & Jeffrey A. Roth. Vol. 4 of *Understanding and preventing violence*. Washington, D.C.: National Academy Press.